

23 OCT 2001

Kajian-Hubungan

BUKU BARU PAPARKAN MASALAH HUBUNGAN AUSTRALIA-MALAYSIA

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 23 Okt (Bernama) -- Satu kajian penting mengenai hubungan Australia dan Malaysia, diuraikan dalam satu buku yang baru diterbitkan di Malaysia oleh seorang ahli akademik Melbourne, Rita Camilleri .

Buku bertajuk "Attitudes and Perceptions in Australia-Malaysia Relations: A Contemporary Profile", (sikap dan tanggapan dalam hubungan Malaysia-Australia: satu profil kontemporari) merupakan satu usaha bagi mengesan perhubungan antara Australia dan Malaysia sejak 1985 hingga akhir 1999 dengan meneliti hubungan itu berdasarkan kaca mata Media Australia.

Kajian itu juga mengambil kira hubungan peringkat kerajaan dan peringkat perniagaan selain mengkaji peranan agama dan institusi perundangan serta elemen lain membabitkan masyarakat awam.

Topik dan isu-isu yang dibincangkan dalam buku ini termasuk kes penggantung Barlow dan Chambers dan sistem keadilan Malaysia, siri televisyen "Embassy", filem "Turtle Beach", kes Raja Bahrin menentang Gillespie dan peranan media di Malaysia dan Australia.

Cik Carmilleri yang akan hadir pada satu majlis di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi dari 2 hingga 5 Nov berkata pada tahun-tahun 1980an dan 1990an, kerajaan Australia secara aktif melaksanakan dasar mendekati Asia.

"Pada masa yang sama, Malaysia yang dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bergerak keluar daripada hubungan rapatnya dengan British bagi mengukuhkan hubungan dengan negara Asia lain," katanya.

"Malaysia dilihat mengambil peranan sebagai pemimpin, yang kerap kalinya kritikal terhadap dasar Barat.

"Satu daripada persoalan penting dan menarik minat ialah: Bagaimana Australia menyesuaikan diri kepada sikap menonjol diri ini? Bagaimana dengan dasar pendekatannya?"

Buku ini yang diterbitkan oleh National University of Malaysia Press, telah mendapat perakuan antarabangsa.

Dalam kata-kata aluannya, Professor Johan Saravanamuttu, dari Universiti Sains Malaysia menulis: "Saya dapati pengamatan Rita Camilleri terhadap hubungan Australia-Malaysia tidak sahaja yakin pada diri sendiri dan berwibawa, malah yang lebih penting ianya refleksif, seimbang dan nuansa, mengambil kira semua kesukaran hubungan istimewa itu."

Adjunk Professor Vin D'Cruz, di Pusat Kajian Malaysia di Universiti Monash di Melbourne, menyifatkan buku itu sebagai "perbincangan panjang lebar akademik yang pertama seumpama itu" yang memaparkan hubungan antara Malaysia dan Australia.

-- BERNAMA
NDC MFJ LAT